

PELINDUNG

AMALAN TAAT SETIA MASYARAKAT MELAYU

INTISARI adalah rumah penerbitan **Kawah Buku**, yang menumpukan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.

Untuk generasi muda,
Moga-moga mereka akan memahami
bahawa tidak ada pelindung
melainkan Pelindung ...

PELINDUNG

AMALAN TAAT SETIA MASYARAKAT MELAYU

Chandra Muzaffar

Penterjemah

R. Elangovan
Ismail Hashim
Ahmad Tajuddin



INTISARI

Bangi

Hak cipta manuskrip © Chandra Muzaffar

Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Pertama kali diterbitkan oleh ALIRAN pada tahun 1992. Edisi baharu ini dimuatkan dengan beberapa kemaskini suntingan beserta tambahan bab.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2024 oleh

INTISARI, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26405-8-5

Terjemahan oleh R. Elangovan, Ismail Hashim dan Ahmad Tajuddin

Suntingan dan kemaskini oleh Azan Safar

Bacaan semak oleh Iskandar Kamel, Ruhan Shahrir dan Khairunisa

Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Nets Printwork

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| Singkatan & Akronim | ix |
| Nota Penyunting | xi |
| Prakata (Edisi Baharu) | xiii |
| Prakata (Edisi Terjemahan, 1992) | xvii |
| Prakata (Edisi Bahasa Inggeris) | xix |
| 1. Ketaatsetiaan di Zaman Melaka | 1 |
| 2. Zaman Melaka: Reaksi terhadap Ketaatsetiaan | 37 |
| 3. Ketaatsetiaan: Dari Zaman Kolonialisme sehingga Merdeka | 55 |
| 4. Ketaatsetiaan: Zaman Selepas Merdeka | 81 |
| 5. Ketaatsetiaan: Kesan-Kesan dan Renungan | 131 |
| <i>Epilog I: Ketaatsetiaan dalam Dasawarsa 1980-an</i> | 179 |
| <i>Epilog II: Ketaatsetiaan pasca PRU ke-14</i> | 195 |
| Bibliografi | 203 |
| Indeks | 213 |

SINGKATAN & AKRONIM

| | |
|---------|---|
| IMDB | 1Malaysia Development Berhad |
| AUKU | Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 |
| DAP | Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik) |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| GERAKAN | Parti Gerakan Rakyat Malaysia |
| MCA | Malaysian Chinese Association |
| MIC | Malaysian Indian Congress |
| MSC | Malaysian Solidarity Convention |
| IMP | Independence of Malaya Party |
| JMBRAS | <i>Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society</i> |
| JSBRAS | <i>Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society</i> |
| PAP | People's Action Party (Parti Tindakan Rakyat) |
| PAS | Parti Islam Se-Malaysia |
| PH | Pakatan Harapan |
| PKMM | Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| PSRM | Parti Sosialis Rakyat Malaya |
| PUTERA | Pusat Tenaga Rakyat |
| UMNO | United Malay National Organisation |

NOTA PENYUNTING

Membaca karya klasik moden Chandra Muzaffar yang berupa sebuah terjemahan kepada naskhah asalnya yang berbahasa Inggeris berjudul *Protector* memperaga Chandra sebagai seorang pemerhati dan sosiologis yang cemerlang. Chandra yang telah mengolah satu sisi penting dalam ciri masyarakat Melayu iaitu amalan taat setia—satu kajian yang pernah dirintis Syed Hussein Alatas lewat makalahnya “Feudalism in Malaysian Society: A study in Historical Continuity” (1968), yang kemudiannya dimuatkan dalam bukunya berjudul *Modernization and Social Change: Studies in Modernization, Religion, Social Change and Development in South-East Asia* (1972)—memberikan makna penting dalam wacana ini melalui konsepsi ‘pelindung’ yang dibangunkannya. Walaupun karya ini telah memakan usia hampir 50 tahun, namun keterampilan pada hujah dan gagasannya menjadikan karya ini terus hidup untuk renungan generasi hari ini.

Pelindung pernah diterjemahkan buat pertama kali pada tahun 1992 dan diterbitkan oleh Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), sebuah pertubuhan yang berfungsi untuk meningkatkan kesedaran tentang isu-isu seputar hubungan etnik di Malaysia. Terjemahan yang diusahakan oleh R. Elangovan dan Hashim Ismail dalam penerbitan yang sudah telah dikekalkan teksnya dalam edisi baharu ini, melainkan beberapa penambahbaikan yang dirasakan perlu khususnya bagi memudahkan pembaca menelaah karya penting ini.

Satu bab baharu telah ditambah dan diterjemah dalam edisi baharu ini yang termuat sebagai *Epilog II*, selain sebuah prakata baharu oleh penulis yang mengungkapkan perubahan fenomena yang kini berlaku tanpa menanggalkan analisis yang sedia ada.

Darihal hal-hal teknikal suntingan, beberapa penyesuaian telah dilakukan dari sudut gaya bahasa, pengistilahan dan susun atur agar ia selari dengan perkembangan pembacaan semasa. Sebagai usaha memperkemas teks, penting untuk dinyatakan, beberapa keseragaman telah dilakukan terutamanya dalam aspek

pengungkapan semula teks Melayu tradisional atau hikayat Melayu yang kerap kali menjadi inti perbincangan.

Dalam konteks ini, teks Sejarah Melayu yang diguna pakai penulis dalam teks asal bahasa Inggerisnya, *Sějjarah Mělayu; or, Malay annals: An Annotated Translation by C. C. Brown*, terbitan Oxford University Press (1970) telah digantikan dengan teks *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*, suntingan Muhammad Haji Salleh, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2009). Penting hal ini dilakukan agar tiada berlaku terjemahan ke atas terjemahan sementara teks Sejarah Melayu yang berbahasa Melayu tersedia seadanya.

Penambahbaikan daripada edisi awal juga termasuklah penambahan bibliografi dan indeks sebagai pematuhan nilai ilmiah dan pemeliharaan tingkat akademik karya klasik Chandra Muzaffar ini.

Diharapkan dengan beberapa perubahan dan penambahbaikan suntingan bagi edisi baharu akan memudahkan lagi pembaca untuk menikmati karya yang menjadi sebahagian korpus penting dalam pengajian Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya.

PRAKATA (*Edisi Baharu*)

A pabila Barisan Nasional, khususnya UMNO tumbang dalam Pilihan Raya Umum Keempat Belas pada 9 Mei 2018, beberapa sahabat saya mencadangkan kepada saya agar saya mengkaji semula kedudukan UMNO sebagai ‘pelindung’ masyarakat Melayu. Memang benar bahawa kekalahan UMNO dalam PRU ke-14 bermakna bahawa sebahagian besar daripada masyarakat Melayu tidak lagi menganggap UMNO, parti utama dalam gelanggang politik Melayu—malah gelanggang politik Malaysia sejak merdeka pada 1957—sebagai pelindung.

Ulasan pertama saya tentang kedudukan UMNO sebagai pelindung sejak PRU ke-14 adalah dalam syarahan saya di Universiti Nasional Singapura pada 12 Mei 2018. Syarahan itu merupakan *The Syed Hussein Alatas Inaugural Memorial Lecture* anjuran Jabatan Pengajian Melayu universiti tersebut dengan tajuknya “The Malays in Multi-Religious ASEAN: Protecting Identity, Upholding Integrity”. Tumpuan syarahan saya adalah pada konflik antara politik identiti dan soal integriti dalam kalangan orang Melayu yang wujud dalam PRU ke-14 yang berlangsung tiga hari sebelum syarahan tersebut. Konflik ini, saya berhujah, akan terus mencabar masyarakat Melayu dan negara Malaysia dalam dasawarsa yang akan datang.

Saya berkesempatan mengkaji lebih mendalam isu identiti ketimbang integriti dalam artikel berjudul, ‘The Trust Deficit and the BN Defeat’; yang kemudiannya telah dikembangkan serta diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan dimuatkan dalam buku ini sebagai *Epilog II*. Beberapa isu yang berkaitan dengan soal identiti, integriti dan peranan pelindung yang berlaku selepas PRU ke-14 juga dibincangkan dalam artikel tersebut. UMNO mengatur pelbagai strategi untuk terus menonjolkan parti itu sebagai parti pelindung Melayu. Antaranya ialah kerjasama antara UMNO dan PAS. Kerjasama ini membuahkan sedikit hasil seperti yang terbukti dalam beberapa pilihan raya kecil antara 2018 dan 2021.

Tetapi senario ini berubah selepas PRU ke-15 yang berlangsung

pada 19 November 2022. Tiga gabungan politik telah wujud dalam PRU ke-15. UMNO memimpin Barisan Nasional yang juga dianggotai oleh MCA dan MIC. UMNO-BN merupakan gabungan yang memerintah sebelum PRU ke-15 dan diketuai oleh Ismail Sabri, Perdana Menteri yang kesembilan. Dalam kalangan pembangkang pula, Pakatan Harapan yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat, Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan AMANAH adalah gabungan yang berbilang etnik dan agama. Pemimpinnya ialah Anwar Ibrahim. Satu lagi gabungan dianggotai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), BERSATU, iaitu parti Melayu yang dipimpin oleh Muhyiddin Yassin dan Gerakan Rakyat Malaysia, parti yang majoritinya terdiri daripada etnik bukan Melayu. Presidennya ialah Dominic Lau. Parti yang paling berpengaruh dalam gabungan ini adalah PAS, diketuai oleh Haji Hadi Awang. Ketiga-tiga gabungan ini bertarung dalam PRU ke-15. Ini bermakna tiada kerjasama wujud antara UMNO dan PAS yang memimpin gabungan masing-masing.

Pakatan Harapan mendahului gabungan-gabungan yang lain dalam PRU ke-15. KEADILAN memperolehi 31 kerusi parlimen; DAP menang 40 kerusi dan AMANAH menguasai 8 kerusi. Ini bermakna bahawa pada keseluruhannya Pakatan Harapan memiliki 82 daripada 222 kerusi parlimen. Tetapi bilangan kerusi ini masih kurang daripada majoriti mudah yang diperlukan untuk membentuk kerajaan yang stabil. Satu gabungan parti-parti politik dari Sarawak dan satu gabungan dari Sabah menyatakan kesanggupan untuk menyokong Pakatan Harapan. Gabungan formal antara Pakatan Harapan dan gabungan dari Sarawak dan Sabah membolehkan mereka mewujudkan kerajaan yang stabil dan mantap yang melebihi majoriti mudah.

Sebelum Pakatan Harapan memeterai kerjasama dengan parti-parti di Sarawak dan Sabah, UMNO telah pun mencapai persefahaman dengan Pakatan Harapan. UMNO yang memenangi 26 kerusi parlimen sedia menyokong Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim. Sokongan ini membolehkan beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-10. Inilah hasrat dan impian Anwar sejak beberapa dasawarsa—untuk memegang jawatan Perdana Menteri. Zahid Hamidi, Presiden UMNO, telah membantu sahabatnya, Anwar untuk mencapai impiannya. Zahid pula dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri I dalam kerajaan gabungan ini. Jawatan ini dari satu segi menguatkan kedudukan politik Zahid yang pada ketika itu menghadapi 47 pertuduhan rasuah dalam mahkamah. Pada 4 September 2023, Mahkamah Tinggi atas permohonan daripada Jabatan Peguam Negara, memutuskan untuk melepaskan tanpa membebaskan (*discharge not amounting to acquittal*,

DNAA) Zahid apabila pihak pendakwaan memutuskan untuk memberhentikan prosiding, kerana mereka berhasrat menyiasat kes itu dengan lebih mendalam. Peristiwa ini penting dalam konteks perbincangan dalam buku *Pelindung* ini. Buku ini mengandungi beberapa contoh dari zaman prakolonial sehingga era merdeka dan pascamerdeka tentang individu-individu yang melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan lunas-lunas moral tetapi telah dilindungi oleh pembesar-pembesar tertentu kerana ketaatan mereka kepada pembesar-pembesar tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa peristiwa Zahid telah mencemarkan iltizam Anwar sebelum dan selepas beliau menjadi Perdana Menteri untuk membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Namun, usaha mana-mana pihak untuk menegakkan nilai-nilai yang murni tidak harus dihukum berdasarkan satu atau dua peristiwa. Penilaian yang lebih adil hanya dapat dibuat selepas beberapa tahun berdasarkan prestasi yang lebih menyeluruh. Sama ada integriti atau perlindungan yang akan menguasai politik Melayu dan politik Malaysia adalah satu persoalan terbuka.

Persaingan antara dua amalan ini akan terus berlaku lebih-lebih lagi kerana gabungan yang memerintah dan gabungan pembangkang akan memperalatkan dua amalan ini untuk mencapai cita-cita politik mereka. Sudah tentu Pakatan Harapan tidak mahu dianggap hanya sebagai gabungan yang membanteras rasuah. Imej sebagai pelindung bangsa Melayu juga penting dalam keadaan tatkala sokongan daripada bangsa itu masih pada tahap yang kurang memuaskan. Begitu juga, PAS dan rakan-rakannya tahu persepsi bahawa mereka adalah hanya pelindung bangsa Melayu tidak cukup untuk menjamin kemenangan pilihan raya di peringkat nasional terutamanya dalam konteks negara Malaysia yang berbilang agama dan etnik.

Bagi kedua-dua gabungan, keikhlasan dalam membuktikan integriti dalam pemerintahan dan pentadbiran mungkin akan menentukan kejayaan atau kegagalan mereka.

Chandra Muzaffar

24 April 2024

PRAKATA

(*Edisi Terjemahan, 1992*)

Selepas 12 tahun, ALIRAN telah memutuskan untuk menerbitkan buku *Protector* naskah bahasa Melayu. Dirasakan masanya telah tiba bagi menerbitkannya di dalam bahasa kebangsaan mengenai salah satu keadaan yang berterusan berlaku dalam budaya politik Melayu: konsep serta amalan taat setia kepada ketua. Di samping itu, kebanyakan huraian-huraian yang dibuat dan hujah-hujah yang dibangkitkan dalam tahun penulisan, yakni 1979, masih lagi dapat diterima hingga ke hari ini. Bagaimanapun, kami telah memutuskan untuk menambah satu bab kepada edisi ini. Ia menyentuh isu-isu yang timbul pada tahun 1980-an yang mempunyai kaitan dengan persoalan ketaatan kepada ketua. Bab ini bolehlah dilihat sebagai pengemaskinian kajian. Kebanyakan bab-bab pada buku ini diterjemahkan oleh saudara R. Elangovan, seorang kakitangan kami sehinggalah bulan Mei 1991. Elan ialah seorang penterjemah yang cekap lagi berbakat. Sayang, beliau tidak lagi bekerja dengan ALIRAN. Dilihat dari suatu sudut, buku ini merupakan penghargaan kami terhadap kebolehan serta khidmat bakti beliau kepada perjuangan ALIRAN. Kami juga suka melahirkan sanjungan ke atas sumbangan saudara Ismail Hashim kerana menterjemah dan menyunting bahagian-bahagian tertentu kajian ini. Beliau bertanggungjawab merekabentuk kulit buku ini yang dirasakan membantu ke arah peningkatan mutu buku ini keseluruhannya. Begitu juga, kami merakamkan penghargaan kami kepada Dr. Mustafa Kamal Anuar yang menolong menyiapkan buku ini untuk penerbitan. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada saudari Tang Mew Kam yang, sebagaimana lazimnya, berjaya menaip manuskrip dengan cepat lagi kemas. Mengesampingkan usaha-usaha mulia mereka, kalaulah masih kedapatan kelemahan-kelemahan serius di dalam penulisan ini, maka ia terletak di atas bahu saya jua.

Chandra Muzaffar

Mei 1991

Pulau Pinang, Malaysia

PRAKATA

(Edisi Bahasa Inggeris)

Protector (*Pelindung*) adalah usaha sederhana yang cuba menganalisis suatu dimensi budaya politik masyarakat Melayu. Sebenarnya, Syed Hussein Alatas, Profesor Pengajian Melayu di Universiti Singapura, yang mula-mula menyarankan bahawa ketaatsetiaan tanpa soal kepada ketua bagi mendapatkan perlindungan—suatu ciri amalan masyarakat feudal—mungkin berterusan diamalkan oleh masyarakat Melayu hingga hari ini. Dalam penulisannya yang berjudul “Feudalism in Malaysian Society Civilization” (1968), beliau mencatatkan beberapa kesinambungan amalan feudal ini.

Dalam penulisan saya ini yang mengandungi petikan-petikan daripada tesis doctoral yang diserahkan kepada Universiti Singapura di awal tahun 1977, saya cuba mengesan asal usul dan pertumbuhan konsep taat setia tanpa soal sejak Kesultanan Melaka di abad ke-15, dengan membawa pembaca melalui zaman penjajahan dan seterusnya kepada keadaan masa kini. Lebih daripada itu, saya cuba mengaitkan konsep dan amalannya ke hakiki-hakiki ekonomi dan budaya yang berlaku pada peringkat-peringkat masa dalam sejarah. Saya juga menyentuh amalan taat setia tanpa soal dan sifat-sifat serta jenis perlindungan yang diberi oleh elit yang memerintah, di samping menyentuh faktor-faktor sosial yang semakin menghakiskan konsep taat setia tanpa soal.

Usaha ini saya rasa melewati sempadan-sempadan yang lazim digunakan bagi mengkaji budaya politik sesebuah masyarakat. Dengan mengaitkan idea tersebut pada amalan pelaku-pelaku, saya telah berusaha untuk memahami bagaimana amalan tersebut memihak kepada pelakunya—kadangkalanya merugikan kepentingan masyarakat terbanyak walaupun ia dikatakan dilakukan atas nama masyarakat itu sendiri. Mengkaji amalan ini dan pendukung-pendukungnya merupakan asas penglibatan kajian sosiologi ilmu—lihat Karl Mannheim, *Ideology and Utopia* (1976)—salah satu cabang sosiologi terpenting. Dari satu sudut, aspek analisis inilah yang membuatkan saya memilih tajuk *Protector (Pelindung)* untuk tulisan ini.

Akhir kata, kajian seperti ini tentu mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu; dan saya bertanggungjawab ke atasnya. Saya berharap di masa hadapan akan ada penyelidik-penyelidik yang akan memperbaikinya. Namun begitu, apa sahaja manfaat yang diperolehi daripada penulisan ini, ia juga adalah merupakan sumbangan individu-individu lain—seperti keluarga, rakan-rakan sejawat, guru-guru saya dan, yang penting, ialah sahabat-sahabat saya dalam ALIRAN.

Chandra Muzaffar

Oktober 1979

Pulau Pinang, Malaysia

1

Ketaatsetiaan di Zaman Melaka

Hubungan di antara pemerintah dengan yang diperintah, pemimpin dengan yang dipimpin, adalah tema yang terus-menerus menjadi fokus dalam kajian sejarah mengenai masyarakat manusia. Setiap peristiwa bersejarah memperlihatkan ciri-ciri tertentu yang membantu menghuraikan sifat hubungan ini. Persoalan dalam beberapa dekad yang lampau ini ialah seberapa banyakkah kuasa yang ada pada mereka yang diperintah, apakah saiz kawalan mereka ke atas pemerintah, apakah tanggungjawab pemerintah terhadap mereka yang diperintah dan bagaimana pula tanggungjawab ini dilaksanakan.¹

Di zaman feudal,² ciri-ciri yang menghuraikan hubungan

-
- 1 Persoalan yang ditimbulkan ini merupakan dasar-dasar asas demokrasi liberal. Bagi perbincangan lanjut tentang prinsip-prinsip demokratik yang berbeza sekali dengan amalan sistem pemerintahan totalitarian lihat Raymond Aron, *Democracy and Totalitarianism*, Weidenfeld & Nicolson (1968).
 - 2 Saya dapati takrif feudalisme itu sungguh luas. Konsepnya selalu sahaja menimbulkan pertikaian. Samir Amin, *The Arab Nation*, Zed Press (1978). telah mengecualikan negara China dan Dunia Arab daripada 'feudalisme'. Jika diikuti takrifnya, Melaka tidak boleh dianggap feudal. Tetapi feudalisme juga boleh dianggap sebagai kaedah pemerintahan, suatu bentuk perhubungan antara pelindung (tuan-tuan feudal) dengan yang dilindungi (hamba-hamba). Pandangan ini dikemukakan oleh R. Coulborn dan J. R. Strayer dalam *Feudalism in History*, Archon Books (1965). Dalam buku ini saya membincangkan soal hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Maka pembaca akan menemukan tumpuan terhadap konsepsi politik dalam feudalisme berbanding konsepsi ekonominya.

di antara pemerintah dengan yang diperintah adalah sangat berbeza. Apa yang menjadi keutamaan ialah taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintah. Sebagai balasan, pemerintah memberi perlindungan kepada rakyat yang diperintah. Faktor ini merupakan teras politik di zaman feudal. Misalnya, taat setia kepada pemerintah semasa zaman feudal di Jepun telah dianggap sebagai kewajipan tertinggi.³

Kajian ini cuba meneliti konsep taat setia yang telah mempengaruhi—dan mungkin terus mempengaruhi—masyarakat Melayu. Pertama, saya memulakan dengan menganalisis konsep taat setia dalam konteks masyarakat Melayu feudal.⁴ Masyarakat Melayu feudal yang dimaksudkan sama seperti masyarakat Melayu zaman Melaka. Secara umumnya, zaman Melaka bermula dengan terbinanya Kesultanan Melayu Melaka pada awal kurun ke-15 dan telah berakhir dengan terbentuknya pemerintahan kolonial British menjelang kurun ke-19.⁵ Kemudian, menerusi Bab 2, saya cuba mengesan pelbagai reaksi kepada konsep taat setia pada zaman tersebut. Bab 3 pula diselidiki bagaimana ‘taat setia tanpa soal’ memainkan peranannya dari zaman kolonial sehingga merdeka. Bab 4 merupakan bahagian yang terpenting. Di sini saya cuba membuktikan sama ada boleh

3 Lihat Ryusaku Tsunoda, Wm. Theodore de Bary dan Donald Keene, *Sources of Japanese Tradition*, Vol. 1, Columbia University Press, (1964), hlm. 425.

4 Sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa feudalisme masyarakat Melayu yang dirujuk di sini dilihat sebagai hubungan politik antara pemimpin yang menawarkan perlindungan sebagai balasan taat setia tanpa soal daripada mereka yang dipimpin. Soal sama ada struktur ekonomi Melaka bersifat feudal atau tidak, ia tidak dibincangkan di sini.

5 Istilah ‘Melaka’ digunakan bagi seluruh zaman berkenaan kerana struktur pentadbiran dan organisasi sosial raja-raja Melayu yang lahir selepas kejatuhan Melaka pada keseluruhannya menyerupai Kesultanan Melayu Melaka yang masyhur itu. Untuk penerangan terperinci lihat Chandra Muzaffar, “Some Dominant Concepts and Dissenting Ideas on Malay Rule and Malay Society from the Malacca to the Colonial and Merdeka Periods”, Universiti Singapura (1977), Bab 1.

diterima atau tidak pernyataan yang sering diulangi bahawa kelas pemerintah Melayu selepas kemerdekaan—raja dan elit politik—kekal berpaut kepada gagasan taat setia yang sebegini. Selanjutnya diberikan keterangan mengenai amalan taat setia pada masa sekarang. Bab 5 pula dibincangkan akibat daripada amalan taat setia ini di zaman kontemporari. Faktor-faktor yang membantu menghakis kekuatan asalnya juga akan dinilai. Buku ini diakhiri dengan renungan ke atas beberapa hujah yang dibahas dalam lingkungan akademik mengenai kesinambungan intelektual daripada konsep ketaatsetiaan itu sendiri.

Sebelum berbicara tentang zaman Melaka, perlu untuk dijelaskan beberapa perkara. Pertama, memandangkan golongan yang mengharap taat setia tanpa soal ini ialah pemerintah atau kelas pemerintah, maka sikap ini pada dasarnya wujud dalam proses psikologi pemerintah atau kelas pemerintah itu sendiri.

Bagaimanapun—dan ini merupakan perkara kedua—sebagai satu sikap, ia juga dapat wujud dengan daya kekuatan yang serupa dalam kalangan mereka yang diperintah kerana mereka sendirilah yang telah bertaat setia tanpa soal. Ketiga, kelas pemerintah dan rakyat yang diperintah dianggap sebagai suatu kolektif. Namun terdapat individu dan kumpulan dalam kalangan rakyat dan juga pemerintah yang tidak bersikap membuta tuli terhadap ketaatsetiaan. Hal ini tidak pula seharusnya menjejaskan keabsahan analisis ini. Pemerintah zaman Melaka merujuk secara khusus kepada sultan atau raja dan kelas pemerintah merujuk kepada bangsawan Melayu keseluruhannya. Yang diperintah terdiri daripada kesemua mereka yang berada di bawah kawalan pemerintah, termasuk yang berkhidmat untuk istana dalam apa jua kedudukan. Di zaman kolonial, pemerintah bererti raja-raja Melayu tetapi kelas pemerintah Melayu terdiri daripada raja-raja Melayu, kelas bangsawan serta para pentadbir yang telah bekerjasama dengan British. Raja-raja Melayu masih menjadi pemerintah di zaman selepas merdeka tetapi kelas pemerintah pada ketika tersebut meliputi raja-raja Melayu dan elit politik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai teras kerajaan dan parti yang mendapat sokongan terbanyak dalam kalangan

penduduk Melayu. Ada kalanya takrif ‘kepimpinan UMNO’ digunakan sebagai rujukan khusus kepada kumpulan tersebut dan seringkali penekanan diberi kepada kedudukan Presiden UMNO yang sudah semestinya juga merupakan seorang Perdana Menteri. Sebagai Perdana Menteri, pertalian di antara kedudukannya dengan UMNO dan masyarakat Melayu amat penting kepada kajian mengenai taat setia di zaman ini.

Dengan latar belakang di atas, mari kita mengkaji konsep taat setia di zaman Melaka. Perhatian khusus akan diberikan kepada (i) erti taat setia dan manifestasinya dalam pelbagai peristiwa; (ii) hubungan konsep taat setia dengan idea mengenai ketuhanan dan kesucian raja-raja; (iii) kedudukan konsep ini dari sudut pandangan Islam; dan (iv) kesan-kesan konsep taat setia terhadap masyarakat Melayu. Perbincangan tema-tema ini tidak semestinya menurut susunan sebagaimana di atas.

Konsep Taat Setia dan Pengertiannya

Pentingnya taat setia kepada raja ditekankan sejak bermulanya Sejarah Melayu. Menurut Sejarah Melayu, Seri Teri Buana, pemerintah diraja orang Melayu yang pertama dan seorang raja berketurunan Raja Iskandar Zulkarnain telah menyetujui satu perjanjian dengan Demang Lebar Daun, wakil rakyat beliau. Demang Lebar Daun beranggapan bahawa perjanjian ini perlu supaya anak perempuannya yang ingin dikahwini tidak akan diserang sejenis penyakit yang merbahaya tatkala ditiduri, seperti yang tertimpa kepada 39 orang puteri setelah raja meniduri mereka. Akibatnya Seri Teri Buana terpaksa meninggalkan setiap seorang isteri baginda. Lalu Demang Lebar Daun mencadangkan:

“Jikalau anak patik tuanku pakai, nescaya kedal ia. Tetapi jikalau tuanku mau akan anak patik itu maulah Duli Yang Dipertuan berwa’ad dengan patik. Maka patik persembahkan anak patik ke bawah Duli Yang Dipertuan.” Adapun Demang Lebar Daunlah yang empunya bahasa “Yang Dipertuan” dan “patik”.

Maka titah Seri Teri Buana, “Apa janji yang dikehendaki oleh bapaku itu?”

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hambalah ke bawah Duli Yang Dipertuan. Hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba. Syahadan jikalau ia berdosya besyar-besyar | dosyanya sekalipun jangan ia difadhihatkan dan dinista dengan kata yang jahat-jahat. Jikalau besar dosyanya dibunuh, itu pun jikalau patut pada hukum syar’i.”

Maka titah baginda, “Kabullah hamba akan janji bapa hamba Demang Lebar Daun.”

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Janji yang mana itu, tuanku?”

Maka titah Seri Teri Buana, “Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa jangan durhaka, dan anak cucu hamba, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.”

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah, tuanku. Tetapi jikalau anak cucu tuanku dahulu mengubahkan dia, anak cucu patik pun mengubahkan dia.”

Maka titah Seri Teri Buana, “Baiklah, kabullah hamba akan wa’ad itu.”

Maka keduanya pun bersumpah-sumpahanlah barang siapa mengubahkan perjanjiannya itu dibalik Allah Subhanahu wa Ta’ala bubungan rumahnya kebawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya maka dianugerah(ha) Allah Subhanahu wa Ta’ala kepada segala raja-raja Melayu tiada pernah memberi ‘aib pada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dos(y)anya, tiada diikatnya dan digantungnya dan difadhihatkannya dengan kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi ‘aib itu ‘alamat negeri akan dibinasakan Allah Subhanahu wa Ta’ala. Syahadan jikalau segala hamba Melayu pun dianugerahkan Allah Subhanahu wa Ta’ala tiada pernah {di}durha(ka)kan dan memalingkan mukanya kepada rajanya, jikalau jahat sekalipun pekertinya dan aniaya sekalipun.⁶

6 Lihat Muhammad Haji Salleh (ed.), *Sulalat al-Salatin ya’ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan

Menurut Josselin de Jong, perjanjian tersebut “melibatkan soal maruah manusia dalam hubungan di antara raja dan rakyat jelata.”⁷ Ia dianggap baik oleh beberapa orang sarjana disebabkan pengiktirafannya terhadap hak dan tanggungjawab kedua-dua belah pihak. Misalnya, Josselin de Jong, dalam mengelaskan masyarakat tempatan sebagai ‘masyarakat malu’ mengatakan bahawa “rakyat menjanjikan ketaatsetiaan, raja berjanji tidak akan memalukan rakyat. Hanya jika raja menganiaya seorang rakyat dengan cara yang memalukannya, maka perjanjian itu boleh dilanggari.”⁸ Wilkinson mengatakan yang ikatan antara pemerintah dengan rakyat ini merupakan salah satu bukti bahawa meskipun terdapatnya hak ketuhanan raja-raja, tidak wujud pemerintahan raja mutlak dalam kalangan masyarakat Melayu.⁹

Walaupun kita boleh bersetuju dengan penilaian umum kedua-dua mereka terhadap perjanjian tersebut, namun kita masih perlu menilai kembali aspek-aspek tertentu secara lebih kritikal. Jelas bahawa taat setia diberi dengan satu syarat—rakyat tidak dimalukan. Apa yang menyebabkan ‘malu’ dinyatakan secara kasar dalam ungkapan “tiada diikatnya dan digantungnya dan difadhihatkannya dengan kata yang jahat.” Jika raja menghina seorang rakyatnya, maka apakah rakyat tersebut boleh melanggar perjanjian dengan berlaku tidak setia?

Dalam erti kata lain—apakah pemberontakan dibenarkan jika seseorang rakyat dihina? Apakah perjanjian di antara raja dengan rakyat itu mengizinkan sebuah penderhakaan? Tidak ada sebarang perkara yang menunjukkan hal yang sedemikian. Jika seseorang rakyat dikeji atau dihina, rakyat hanya boleh

Pustaka (2009), hlm. 23-24

7 Lihat P. E. Josselin de Jong, “The Character of the ‘Malay Annals’”, dalam *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty-Fifth Birthday*, Clarendon Press (1964), hlm. 24

8 Lihat P. E. Josselin de Jong, “The Rise and Decline of a National Hero”, *JMBRAS* 38, no. 2/208 (1965): 140–55

9 Lihat R. J. Wilkinson, “Some Malay Studies”, *JMBRAS* 10, no. 1/113 (1932): 67–137

sekadar menarik kembali taat setianya kepada raja, dan tindakan ini berbeza sama sekali dengan tindakan menderhaka. Walaupun tafsiran ini ada asasnya dalam perjanjian itu sendiri, perlu disedari bahawa tidak ada contoh dalam masyarakat Melayu di mana 'taat setia ditarik kembali' disebabkan oleh penghinaan raja yang menindas tatkala adanya justifikasi moral untuk berbuat demikian kerana raja telah melanggar perjanjian. Sebaliknya pula, dalam hikayat dan Sejarah Melayu, terkandung banyak peristiwa yang menunjukkan tindakan atau sikap menderhaka, walaupun dilakukan secara halus oleh seorang rakyat yang telah dihina dan dimalukan. Rakyat tersebut tetap dipersalahkan dan dikenakan hukuman yang amat berat oleh manusia dan Tuhan.¹⁰

Jika ketidaksetiaan tidak diterima maka apakah keadilan untuk seorang rakyat yang telah diberi malu oleh raja yang zalim? Dalam perjanjian ada jawapannya: "Jikalau ada seorang raja memberi 'aib itu 'alamat negeri akan dibinasakan Allah Subhanahu wa Ta'ala." Dalam erti kata yang lain, balasannya adalah daripada Tuhan. Kesedaran mengenai balasan Tuhan inilah yang diharap akan mengawasi dan membatasi raja dalam hubungannya dengan rakyat. Terdapat sebilangan peristiwa yang menunjukkan bahawa raja-raja tertentu amat menyedari akan batasan moral ini. Ada juga peristiwa-peristiwa lain di mana pencabulan terhadap perjanjian ini menyebabkan keruntuhan kerajaan mereka.¹¹

Hubungan di antara raja dengan rakyat sekarang lebih jelas. Jelaslah yang raja bertanggungjawab secara langsung kepada Tuhan dan hanya bertanggungjawab secara tidak langsung kepada rakyat, dengan kadar apa yang terkait dalam perjanjian tersebut. Sebaliknya rakyat terikat secara langsung kepada raja. Mereka terpaksa berkhidmat kepada raja dengan taat setia yang tidak terhingga. Penindasan atau kezaliman yang dilakukan oleh seseorang raja tidak akan memutuskan ikatan ini. Namun jika rakyat melakukan kesalahan, termasuk

10 Bab ini akan membincangkan contoh peristiwa-peristiwa yang khusus.

11 Bab ini akan mengemukakan pelbagai contoh.

kesalahan tidak setia yang merupakan satu jenayah besar, maka raja boleh menghukum mereka, “Jikalau besar dosyanya dibunuh, itu pun jikalau patut pada hukum syar’i.” Selain seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, sebarang perbuatan ketidaksetiaan juga akan menghadapi kemurkaan Tuhan.

Kedudukan rakyat yang lebih lemah dan adanya unsur ketidaksetaraan dalam perjanjian ini gagal diamati oleh Josselin de Jong dan Wilkinson. Selagi hal ini tidak disedari, tidak mungkin untuk dapat difahami dengan sebaik-baiknya erti ketaatsetiaan seperti yang terkandung dalam perjanjian.

Konsep Taat Setia dan Manifestasinya

Peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam sejumlah hikayat dan Sejarah Melayu mengenai hal yang terkait di zaman yang dikaji ini akan dapat membantu mengesahkan pandangan perihal ketaatsetiaan ini. Oleh itu, kita akan mengalihkan tumpuan kepada sebilangan peristiwa ini. Semasa mengkaji peristiwa-peristiwa ini, kita akan cuba mengkategorikannya berdasarkan ciri-ciri yang akan menzahirkan sifat sebenar konsep taat setia.

Pertama, taat setia tanpa soal kepada raja diertikan sebagai menunaikan hasrat dan keinginannya tanpa mempersoalkan tujuan dan kewajaran di sebalik hasrat tersebut. Hikayat Hang Tuah memberikan beberapa contoh akan hal ini. Dalam hikayat ini, Hang Tuah, seorang perwira agung dalam masyarakat Melayu feodal, digambarkan sebagai hamba yang setia kepada raja. Hang Tuah melaksanakan perintah sultan dan kerabatnya tanpa sebarang rungutan.

Terdapat satu peristiwa tatkalanya Hang Tuah telah menyempurnakan suatu tugas yang rumit dengan memanjat sebatang pokok kelapa yang luar biasa untuk mendapatkan buahnya bagi permaisuri.¹² Dalam satu lagi peristiwa, Hang Tuah berjaya membawa pulang seorang wanita dari Majapahit untuk dijadikan isteri sultan selepas merentasi pelbagai lautan rintangan.¹³ Peristiwa yang lebih bersemangat wira ialah

12 Lihat Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, Dewan Bahasa dan Pustaka (1973), hlm. 226–7

13 Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, hlm. 108–111

ketika Hang Tuah membunuh seorang pengamuk yang cuba membunuh bendahara dan temenggung.¹⁴ Pastinya, memang terdapat banyak peristiwa lain dalam Hikayat Hang Tuah dan juga hikayat-hikayat yang lain mengenai pelayanan yang setia terhadap aneka perintah raja.

Walaupun tindak-tanduk kesetiaan ini menyempurnakan kehendak hati raja yang kadangkala beraneka ragamnya, ia tidaklah sampai mencabul norma-norma keadilan. Namun, terdapat peristiwa lain di mana melaksanakan arahan raja bererti mencabuli nilai-nilai moral dan tatasusila. Hakikatnya, individu-individu yang telah ditugaskan untuk menjalankan perintah raja itu telah menunjukkan ketaatsetiaannya dengan penyerahan bulat-mulat kepada kehendak raja. Beberapa contoh akan diberi untuk membuktikan hal tersebut.

Sultan Mahmud dari Melaka begitu teringin untuk memperisterikan seorang wanita rupawan yang sudah pun bertunang dengan seorang pemerintah di salah sebuah negeri bawahannya. Beliau menjanjikan separuh daripada kota dan alat kebesaran diraja kepada sesiapa yang boleh membawa pulang wanita tersebut. Menerusi tipu helah, rasuah dan kekuatan bersenjata, salah seorang perwira diraja berjaya menculik wanita tersebut iaitu Tun Teja, dan memujuknya untuk mengahwini sultan meskipun wanita itu tidak sanggup berbuat demikian. Di atas kejayaannya, perwira tersebut “digelar Tun Setia Diraja, diberi pedang, berdiri di ketapakan, sama dengan segala abintara.”¹⁵

Kisah yang sama diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah di mana Hang Tuah disanjung kerana menculik Tun Teja. Dalam kisah ini, Hang Tuah menjalankan satu tugas yang merbahaya untuk mendapatkan kembali perkenan sultan dan membuktikan ketaatsetiaannya. Sultan sangat gembira dengan pencapaian Hang Tuah, lalu sultan telah mengampunkannya, memeluknya dan mengurniaknya gelaran Laksamana.¹⁶

Contoh yang lebih ketara tentang taat setia membuta tuli

14 Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, hlm. 30

15 Muhammad Haji Salleh (ed.), *Sulalat al-Salatim*, hlm. 186

16 Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, hlm. 185–207

dalam mengerjakan perintah raja adalah mengenai peristiwa pembunuhan Hang Jebat oleh Hang Tuah. Hang Jebat merupakan rakan karib dan rakan seperjuangan Hang Tuah. Hang Jebat telah menimbulkan kemurkaan sultan kerana berfoya-foya dengan gundiknya, satu perbuatan yang dianggap menderhaka. Hang Jebat berkelakuan demikian kerana kecewa dengan sultan yang telah menitahkan supaya Hang Tuah dibunuh tanpa sebarang usul periksa terlebih dahulu terhadap tuduhan yang dilemparkan. Inilah sebab Hang Jebat mahu mengingkari sultan dan istana. Penderhakaan dan kemudian keingkarannya benar-benar memurkakan sultan sehingga sultan menitahkan agar Hang Jebat dibunuh. Bagaimanapun tiada seorang pun yang berani atau cekap berlawan dengan Hang Jebat, yang mempunyai kelebihan dengan memiliki keris sakti Hang Tuah.

Pada saat yang genting inilah Hang Tuah dibawa balik untuk berkhidmat kepada sultan. Tampaknya, walaupun sultan telah bertitah, Hang Tuah tidak juga dibunuh kerana bendahara yang sepatutnya melaksanakan titah sultan tidak mahu membunuh seorang yang mungkin sebenarnya tidak bersalah. Kini Hang Tuah pula dititahkan oleh raja untuk membunuh Hang Jebat, yang diterimanya dengan penuh rasa bangga.

Adalah penting untuk diketahui, apabila Hang Tuah berhadapan dengan rakannya dia menyapa dengan kata-kata, “Cheh, Si-Jebat derhaka!” Ini menunjukkan Hang Tuah menerima penghakiman sultan ke atas seseorang tanpa merenungkan akan benar salah hukuman itu. Hang Jebat, yang gembira mengetahui bahawa rakannya masih hidup membalas kata-kata Hang Tuah dengan cara yang berbeza, “Hai orangkaya Laksamana, kerana-mu-lah maka aku berbuat pekerjaan ini (menderhaka kepada sultan).”¹⁷ Kata Hang Tuah, “Jika lain daripada dosa ini, tiada engkau mati ...” Tambahnya, “Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat ...”¹⁸

17 Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, hlm. 315

18 Kassim Ahmad, “Hikayat Hang Tuah”, hlm. 319

Jelas sekali Hang Tuah berpendapat bahawa mengingkari sultan walau bagi pihak dirinya sendiri adalah dosa besar yang harus dihukum mati. Persoalan etika dalam hal ini tidak dihiraukan. Yang diambil kira ialah taat setia membuta tuli kepada sultan, yang sanggup dibuktikan walau dengan mengorbankan kebenaran dan keadilan.

Sehingga ini saya telah membicarakan taat setia rakyat yang mengerjakan perintah raja tanpa mengambil kira akan sebarang pertimbangan lain. Kini akan diteliti pula taat setia dari sudut lain—taat setia mereka yang sama ada secara langsung atau tidak langsung, telah menjadi mangsa ketidakadilan raja. Bagaimana mereka terus bertaat setia kepada raja memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh konsep taat setia itu.

Taat setia bagi mereka bermakna bulat-mulat menerima keputusan sultan yang nyata tidak adil dan menjejaskan nasib mereka sendiri. Satu contoh klasik ialah kisah Bendahara Seri Maharaja. Laksamana menuduh bendahara merancang untuk menggulingkan sultan dengan hasrat melantik dirinya menjadi Sultan Melaka. Sultan sanggup mempercayai tuduhan itu lebih-lebih lagi baginda telah pun memurkai bendahara, kononnya kerana keengganan bendahara menunjukkan anak gadisnya yang cantik rupawan kepada baginda.¹⁹ Biar apapun sebabnya, tanpa sebarang siasatan lanjut, sultan mengarahkan bendahara dihukum mati. Dua orang telah dipertanggungjawabkan dengan tugas ini:

Maka dua orang itu pun pergilah dengan segala hamba raja. Maka segala anak buah Bendahara Seri Maharaja dan segala kaum keluarganya berkampunglah kepada Bendahara Seri Maharaja sekaliannya dengan segala senjatanya. Maka Tun Hasan Temenggung, anak Bendahara Seri Maharaja, hendak melawan.

Maka kata bendahara, “Hai Hasan, hendak durhaka{!}

19 Sultan pertama kali terlihat gadis tersebut pada hari perkahwinannya dengan Tun Ali, “Bermula saat itulah Sultan mendendam Bendahara Sri Maharaja.” Lihat Muhammad Haji Salleh (ed.), *Sulalat al-Salatin*, hlm. 201